

USIM anjur Bengkel Wartawan Muda kali ke-3

KUALA LUMPUR 6 Nov. - Bersempena Majlis Konvokesyen Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Ke-13, universiti tersebut buat tahun ketiga menganjurkan Bengkel Wartawan Muda Utusan - USIM 2015 yang bakal berlangsung esok.

USIM dalam satu kenyataan memaklumkan, bengkel dengan kerjasama Utusan Melayu (M) Berhad tersebut yang akan diadakan di VIP Lounge, Pusat Sukan Tunku Najihah, USIM merupakan program yang bermanfaat serta mempunyai kelompok peminat tersendiri.

Menurut kenyataan itu, bengkel yang bermula pukul 9 pagi itu bertujuan memberi pendedahan awal dan memupuk minat generasi muda menceburi bidang kewartawanan termasuk cara penulisan dalam skop lebih kreatif.

"Pelbagai aktiviti menarik telah disusun bagi memeriahkan Majlis Konvokesyen yang bermula hari ini sehingga 9 November ini termasuk Bengkel Wartawan Muda Utusan - USIM 2015 yang sentiasa mendapat sambutan menggalakkan.

"Peserta juga berpeluang berkongsi pengalaman dan pengetahuan daripada tiga panel yang didatangkan khas terdiri daripada wartawan dan pengurus yang berpengalaman luas dalam bidang pemasaran dan penulisan," katanya kenyataan itu.

Panel yang terlibat adalah Pen-

gurus Besar Pemasaran dan Penge-daran Kumpulan Utusan, Rosman Zulkifli; Penulis Khas *Mastika*, Sahidan Jaafar serta Ketua Biro *Utusan Malaysia* Negeri Sembilan, Ainol Amriz Ismail.

Bengkel setengah hari itu juga tidak terhad kepada penuntut USIM, sebaliknya tahun ini, penyertaan turut dibuka kepada orang ramai yang berminat menyertai bengkel tersebut.

Katanya, peserta juga tidak dikenakan yuran dan berpeluang mendapat hadiah cabutan bertuah termasuk baucar minuman Starbucks dan pelbagai hadiah menarik.

"Selain bengkel, Pertandingan Mewarna Kanak-kanak, Cabaran Mini-Explorace dan pelbagai aktiviti lain turut dianjurkan bagi memeriahkan majlis konvokesyen bagi tahun ini.

"Pengunjung juga berpeluang membawa pulang produk eksklusif Kumpulan Utusan dan pelbagai hadiah menarik seperti barangan elektrik dengan menyertai cabutan bertuah serta penebusan keratan kepala akhbar *Utusan Malaysia* atau *Mingguan Malaysia*," katanya.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut boleh menghubungi urus setia di talian 03-9232 4428 (Dino), 03-92324430 (Masz), 03-92324432 (Lieya) atau 03-92324426 (Mart).